

1 MAR 1996

Nuklear

MENTERI LUAR PERANCIS JELASKAN MENGENAI UJIAN NUKLEAR

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Perancis Herve de Charette akan membuat penjelasan mengenai kontroversi ujian nuklear negara itu di Pasifik Selatan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Isnin ini.

Duta Perancis di sini Edouard Braine hari ini berkata beliau tidak nampak kenapa de Charette tidak akan membangkitkan perkara itu dengan Perdana Menteri kerana "tidak apa yang hendak disembunyikan".

"Presiden kami (Jacques Chirac) tidak menyembunyikannya di Singapura," kata Braine sambil merujuk kepada ucapan Chirac semasa melawat Singapura bahawa Paris bersedia untuk menandatangani Perjanjian Pengharaman Ujian Komprehensif "tahun ini juga".

"Ini adalah satu perkara yang menarik bukan sahaja untuk bercakap mengenai masa lepas tetapi juga untuk melihat apa yang boleh kami buat untuk masa depan. Soalnya sekarang ialah apa yang boleh Perancis buat bagi membantu pengharaman nuklear di Asia," kata Braine ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai lawatan de Charette di Kedutaan Perancis di sini.

Beliau akan tiba Ahad ini untuk lawatan tiga hari, iaitu yang pertama bagi menteri luar negara itu. Beliau akan diiringi oleh isteri Michele, beberapa orang ahli perwakilan dan tiga orang pengerusi syarikat utama Perancis -- Alcatel, Lyonnaise des Eaux dan Alsthom.

Braine berkata isu ujian nuklear itu dan juga "beberapa isu lain" yang telah dikutuk dengan keras oleh Malaysia telah mewujudkan kerenggangan kepada hubungan dua hala.

Beliau berkata lawatan de Charette ini bertujuan membina "jambatan politik untuk memperbaiki kerenggangan ini" dan membuka laluan bagi hubungan Perancis-Malaysia yang lebih baik lagi.

"Kita mempunyai kerenggangan dan kita mesti berjumpa untuk membincangkannya ... masanya telah tiba untuk perubahan dan mengadakan hubungan yang lebih baik," kata duta itu.

Katanya Perancis mempunyai tanggungjawab politik menjelaskan kepada Malaysia mengenai ujian nuklear itu dan juga isu-isu lain yang menyebabkan kerenggangan itu.

Mengenai hubungan perdagangan, Braine berkata beberapa syarikat Perancis berminat menceburi industri pertahanan, infrastruktur, automotif dan produk pengguna tempatan.

de Charatte dijangka mengadakan perincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri lain.

Beliau akan melawat Pulau Pinang pada Selasa sebelum pulang. -- BERNAMA  
ES WAT MAI